

# Awas yang menimba di air keruh — Mahathir

## UMNO TEMPAT BERGANTUNG MELAYU

MING M. 20 FEB 1977  
**T**YMBALAN Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini, masa depan orang-orang Melayu bergantung kepada kuasa politik UMNO yang menjadi tulang belakang pemerintahan negara.

Katanya, kekuasaan UMNO dalam pemerintahan negara ini bergantung kepada penyusunan yang rapi dalam parti itu sendiri supaya ia diterima oleh semua lapisan rakyat.

Beliau memberi amaran tentang ujudnya golongan yang sudah sedia untuk 'menimba di air keruh' bila UMNO lemah akibat kelalaiannya sendiri.

"Kerajaan Malaysia tidak mungkin menjadi huru-hara selagi ia mengamalkan sistem demokrasi di bawah pemerintahan Barisan Nasional," tambah Dr. Mahathir.

Tegasnya, kerajaan Barisan Nasional perlu bertolak ansur dalam keadaan-keadaan tertentu mengikut kehendak perlembagaan dan bertindak sewajarnya ke atas mereka yang melanggar undang-undang.

Beliau menambah, kerajaan sekarang tetap teguh selagi parti-parti komponen Barisan Nasional mematuhi perlembagaan dan dengan itu kuasa politik UMNO sebagai teras pemerintahan negara

kebahagiaan rakyat dan mengekalkan perpaduan di kalangan mereka.

Ketibaan rombongan Dr. Mahathir telah diberi sambutan meriah oleh wakil-wakil rakyat, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ahli-ahli Barisan Nasional yang diketuai oleh Menteri Besar, Datuk Haji Mohammad Nasir dan timbalannya, Haji Wan Ismail Ibrahim.

Bercakap kepada para pemberita selepas mendengar taklimat di Bilik Gerakan di sini petang ini Dr. Mahathir Mohamad memberitahu mesyuarat pertama Jawatankuasa Penyertaan Bumiputra dalam bidang ekonomi yang dianggotai oleh Menteri-